

# Syor pinda Akta Alam Sekitar 1974

BH  
19/11/16  
ms. 11

**Shah Alam:** Akta Alam Sekitar 1974 perlu dipinda kerana sudah lapuk serta tidak sesuai dengan keadaan semasa, khususnya bentuk hukuman terhadap pesalah alam sekitar.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata lebih mengecewakan, undang-undang sedia ada tidak memberi kuasa kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk mengambil tindakan atau membuka kertas siasatan, sekali gus menyebabkan jabatan itu dilihat 'tidak bertaring'.


Katanya, sebagai contoh dalam isu aktiviti perlombongan bauksit di Kuantan, JAS tidak mampu berbuat apa-apa wa-

laupun kesalahan yang dilakukan adalah jelas di depan mata.

"Kuasa JAS ada hanyalah kaji data dan kumpul maklumat... itu sahaja. Begitu juga dalam isu bauksit, sejauh mana yang JAS boleh lakukan? JAS hanya boleh ambil data parameter logam serta sampel yang ada, itu sahaja."

## Tiada kuasa menyiasat

"Data dan maklumat yang JAS kumpul ini akan diserahkan kepada kerajaan negeri kerana mereka ada peraturan sendiri pada peringkat negeri. Malangnya kuasa hanya di tangan kerajaan negeri, tetapi peringkat Kerajaan Persekutuan, kita ti-



Wan Junaidi Tuanku Jaafar

ada kuasa untuk menyiasat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Simposium Kebangsaan Mengenai Pencemaran Marin di sini, semalam.

Wan Junaidi berkata, beliau sudah mengarahkan penasihat undang-undang kementerian untuk meneliti akta berkenaan bagi memberi kuasa kepada JAS untuk membuka kertas siasatan terhadap pesalah alam sekitar.

Katanya, ketika akta itu dibuat dahulu, situasi berbeza kerana simpanan hutan masih banyak, manakala aktiviti pembangunannya belum rancak seperti sekarang ini.